

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 14 Tahun 2020

PEKELILING PELAKSANAAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN DAN ANSURAN PECAH KONTRAK SELAMA ENAM (6) BULAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman kenderaan, komputer dan telefon pintar serta bayaran balik ansuran pecah kontrak melalui potongan gaji staf UiTM.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan penangguhan bayaran pinjaman selama enam bulan diberi kepada semua peminjam yang membuat pinjaman bank. Ini adalah sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020.

Sebagai menyokong kepada dasar PRIHATIN Kerajaan, Mesyuarat Eksekutif (MEU) bilangan 9 Tahun 2020 bertarikh 8 April 2020 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman kenderaan, komputer dan telefon pintar serta bayaran balik ansuran pecah kontrak melalui potongan gaji staf UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman kenderaan, komputer dan telefon pintar serta bayaran balik ansuran pecah kontrak melalui potongan gaji staf UiTM adalah seperti berikut:

3.1 pemberian penangguhan bayaran balik pinjaman kenderaan, komputer dan telefon pintar selama enam (6) bulan bermula dari potongan gaji bulan April 2020 sehingga September 2020 KECUALI bagi peminjam yang akan bersara dalam tempoh 12 bulan akan datang. Sehubungan itu, peminjam yang akan bersara dalam tempoh April 2020 sehingga Mac 2021 TIDAK akan diberi penangguhan.

3.2 pemberian penangguhan bayaran ansuran pecah kontrak staf UiTM selama 6 bulan bermula dari potongan gaji bulan April 2020 sehingga September 2020.

3.3 Potongan gaji bagi pendahuluan pelbagai/perjalanan yang belum diselaraskan melebihi tempoh 2 bulan adalah ditangguhkan sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3.4 Sebarang permohonan pinjaman baharu kenderaan, komputer dan telefon pintar adalah tertakluk kepada baki peruntukan sedia ada.

4.0 **TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 09 April 2020.

5.0 **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2020.

6.0 **PEMAKAIAN**

6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua kampus Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:
Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Penolong Rektor Kampus Negeri
Semua Staf UiTM

Bil. Fail : 100-BBI (PTA.6/6)
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 14